

# Bengkel Permurnian Program Akademik

Oleh **Nor Innar Md Nor**  
*Pegawai Tadbir*

Bengkel Permurnian Program Akademik pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar (RK07) telah diadakan pada 24 Mac 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat PPKAS. Bengkel ini diadakan bertujuan mengemaskini dan menambahbaik program akademik Rancangan Kejuruteraan Alam Sekitar yang sedang ditawarkan di samping memastikan program ini memenuhi keperluan Engineering Accreditation Council (EAC). Bengkel ini turut dijayakan dengan kehadiran beberapa orang panel luar termasuk Prof Dr Md Ghazaly Shaaban dari Univesiti Malaya, Prof Madya Dr Mahamad Hakimi Ibrahim (USM), Dr Lim Phaik Leng (Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd) serta panel dari GLISTEN Environmental Consultants Sdn Bhd iaitu Encik Muhd Rashid Wan Chik. Di samping itu, beberapa orang pelajar program Kejuruteraan Alam Sekitar turut dijemput untuk memberi pandangan. Hasil perbincangan berkenaan penambahbaikan program ini telah dapat dicapai dan akan digunapakai bagi kemasukan pelajar pada sidang akademik 2009/2010 yang bakal menyusul. PPKAS mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang terlibat terutamanya ahli panel pakar yang menyumbang input dalam bengkel yang merupakan sebahagian daripada Continuous Quality Improvement (CQI) yang diamalkan.